

# Matlamat SK2 UMNO selaras dengan Islam Hadhari

SEREMBAN 4 Feb. – Program ‘Satu Keluarga Satu Kaunselor’ (SK2 UMNO) berupaya mencetuskan gelombang baru yang membentuk masyarakat harmoni serta seimbang sekali gus menterjemahkan gagasan Islam Hadhari.

Peserta kursus Briged Parakaunselor yang ditemui di sini hari ini memberitahu, program itu bukan sahaja menangani masalah masyarakat bahkan turut menjadi ‘platform’ mengembangkan potensi indivi-

du modal insan negara.

Ketua Pemuda UMNO Bahagian Bakri, Johor, Mohd. Fuad Tukirin berkata, aspek kaunseling amat diperlukan kerana ia memberi alternatif untuk mentadbir urusan keluarga secara lebih baik.

Katanya, kaunseling yang merupakan satu usaha pencegahan wajar diintegrasikan dengan program lain akan mencetuskan gelombang pembaharuan yang selaras dengan Islam Hadhari.

Seramai 47 peserta daripada 13 Badan Perhubungan UMNO negeri menyertai Kursus Briged Parakaunselor selama tiga hari bermula Jumaat lalu.

Program anjuran Majlis Tertinggi UMNO melalui Biro Pembangunan Sosial itu dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini hari ini.

Ketua Wanita UMNO Bahagian Tangga Batu, Melaka, Nor Adibah Ab-

ullah pula berkata, program tersebut diharap dapat membantu masyarakat terutama orang Melayu yang kurang memahami teknik kaunseling secara berkesan.

“Selama ini, banyak orang tidak mengamalkan teknik menegur atau memberi nasihat secara betul, sepatutnya kita beri kebebasan kepada pihak terbabit meluahkan apa yang terbuka di hati terlebih dahulu bukannya memotong percakapan mereka,” katanya.

Setiausaha Jawatankuasa Induk Biro Pembangunan Sosial UMNO Sabah, Dr. Ismail Idris berkata, beliau mengalu-alukan pelaksanaan SK2 UMNO sebagai satu bentuk pencegahan apa jua masalah sosial di kalangan masyarakat.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis, Datuk Che Sulaiman Shapie berkata, melalui SKSK, kemahiran berkomunikasi di kalangan masyarakat dapat diperbaiki.



Langgan khidmat News Alert  
untuk Berita Nasional dengan menaip:  
**DAFTAR UMNAS** dan hantar ke **32773**.  
1-2 SMS dihantar sehari. Setiap SMS 30 sen.  
Untuk batalkan langganan, taip:  
**BATAL UMNAS** dan hantar ke **32773**.